

# Beli pakaian selamatkan Belum-Temenggor

Jenama pakaian, Jeep mengadakan kempen membeli rangkaian baju dan seluar manakala lima peratus daripada hasil jualan disalurkan kepada MNS.



SHAH REDZA



ERIC LOKE



MAYA (tiga dari kiri) menerima baju T sebagai simbolik kerjasama antara Jordone dan MNS.

Oleh ADLAN JAAFAR  
adlan.jaafar@kosmo.com.my

**H**UTAN Belum-Temenggor (BTFC) dikatakan sudah berusia lebih 130 juta tahun malah lebih tua daripada Hutan Hujan Amazon dan Lembangan Congo.

Kepelbagai hidupan di hutan itu sangat unik dan menjadi rumah pada haiwan-haiwan ikonik Malaysia seperti harimau, gajah, badak dan tapir.

Setakat ini, 40 peratus keluasan BTFC sudah diiktiraf sebagai hutan simpan dan ia hanya meliputi kawasan hutan Belum manakala selebihnya atau lebih tepat di kawasan Temenggor masih belum diiktiraf.

"Usaha kami sekarang adalah bagi mendapatkan status hutan simpan bagi 60 peratus lagi dan ia memerlukan masa yang panjang dan usaha keras," kata Pengarah Eksekutif Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Mohamed Shah Redza Hussein, 50.

Ceritanya, usaha bagi mendapat status tersebut memakan masa 14 tahun kerana memerlukan fakta-fakta saintifik sebagai bukti bahawa memulihara hutan tersebut adalah mustahak.

Fakta-fakta memerlukan kajian yang mendalam dan melibatkan banyak wang dan masa. Usaha untuk menjadikan lebihan kawasan BTFC diberi status hutan simpan kerana ia terdedah kepada bahaya pencerobohan seperti pembalakan dan pemburuan haram.

Taman Negara Hutan Royal Belum yang berkeluasan 117,500 hektar diwartakan pada bulan Mei 2007.

Sehubungan itu, syarikat yang mengeluarkan pelbagai jenis pakaian, Jordone Corporation Sdn. Bhd. (Jordone) mengam-

bil langkah mulia dengan menyumbang lima peratus daripada hasil jualan bagi pakaian jenama Jeep kepada MNS.

Setiap pembelian rangkaian pakaian tersebut dari 1 Julai hingga 30 September 2012 akan disalurkan ke tabung MNS Green. Hasil sumbangan bertujuan meningkatkan kesedaran dan usaha konservasi terutamanya di kawasan sensitif, habitat dan spesies di Malaysia.

BTFC pula menjadi matlamat utama MNS dalam kempen dan melobi kawasan hutan tersebut dapat dipelihara serta dilindungi.

Kempen yang dikenali sebagai Projek Amal Hari Alam Sekitar Sedunia Jeep itu dilancarkan bagi mendidik masyarakat bahawa alam sekitar merupakan tanggung-

jawab semua.

Sempena kempen yang berlangsung dari bulan Julai hingga September ini, koleksi baharu yang mengambil inspirasi vintaj Jeep Willys turut diperkenalkan.

"Adalah menjadi tanggungjawab korporat supaya berkerjasama dengan semua pihak dalam sebarang usaha memulihara alam sekitar demi generasi akan datang," kata Ketua Pegawai Operasi Jordone, Eric Loke pada majlis pelancaran yang diadakan di ibu pejabat Jordone,

Majlis yang diadakan dengan persempahan tarian yang diiringi muzik yang menggunakan bahan buangan dan turut dihadiri oleh ahli MNS yang juga pelakon terkenal, Maya Karin, 32.

**Usaha kami sekarang adalah bagi mendapatkan status hutan simpan bagi 60 peratus lagi dan ia memerlukan masa yang panjang dan usaha keras**

— SHAH REDZA



KIRI: Lima peratus hasil jualan pakaian Jeep akan didermakan kepada MNS.



BAWAH: Selain aktif berlakon, Maya juga terkenal sebagai seorang yang banyak mencanangkan kempen pemuliharaan alam sekitar.

KIRA-kira 40 peratus keluasan BTFC sudah diwartakan sebagai hutan simpan manakala selebihnya masih lagi menunggu untuk diiktiraf.